

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke Lima Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Hari Khamis, 26hb Sya'aban 1432 / 28hb Julai 2011 bertempat di Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihie Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyyaa Waddeen, Wassalatu Wassalamu Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa'ala Aalihie Wasahbihie Ajma'een, Waba'du.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat bersama-sama pada pagi ini bagi Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-Lima Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Beta mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai-pegawai kadet atas kejayaan mereka menamatkan latihan, dan juga atas persembahan perbarisan yang menarik sebentar tadi.

Beta sangat gembira kerana dapat bersama-sama pada detik yang istimewa ini, terutama dengan turut hadirnya para ibu-bapa dan kaum keluarga pegawai-pegawai kadet sekalian,

Empat puluh dua (42) minggu dalam latihan ketenteraan adalah merupakan jangka masa yang agak mencabar.

Seperti pernah Beta alami sendiri, pelbagai rintangan dan dugaan adalah terpaksa dilalui.

Semua yang dilalui itu akan diabadikan dalam ingatan setiap pegawai kadet. Beta yakin, pengalaman ini akan dikenang sebagai penentu nasib atau "as a defining moment" dalam kehidupan setiap diri pegawai.

Untuk menjadi seorang pemimpin tentera, bukanlah mudah. Ianya memerlukan komitmen, dedikasi dan tanggungjawab yang dihias dengan keikhlasan dan kejujuran.

Sementara pengalaman dan pengetahuan pula menjadi asas untuk menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar.

Pegawai-pegawai kadet, sebaik-baik saja meninggalkan Sekolah ini, mereka akan memulakan lambaran baru sebagai pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Oleh itu, Beta berharap, mereka tidak akan lupa kepada motto Sekolah Pegawai Kadet, iaitu

SETIA, TAKWA dan BERANI.

SETIA ertinya ialah, kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Raja, Bangsa dan Negara. Sementara TAKWA ialah, takut kepada Allah, dan BERANI pula, berani dan tegas dalam menegakkan kebenaran.

Disinilah letaknya nilai-nilai kepemimpinan yang baik yang diharapkan menjadi tunjang ketahanan negara dan bangsa.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam usianya lima puluh (50) tahun, telah berkembang pesat dan membukakan prospek peningkatan kerjaya dipelbagai bidang.

Ini adalah peluang bagi semua anggota untuk menunjukkan kebolehan bekerja dengan lebih gigih dan kompetitif.

Kita memang menyanjung struktur perkembangan kerjaya yang berdasarkan meritokrasi dan etika ketenteraan. Kita mahu, supaya anggota-anggota tentera akan benar-benar menunjukkan prestasi perkhidmatan yang sentiasa cemerlang.

Kita juga ingin melihat, supaya lebih ramai lagi kaum remaja dan graduan akan memilih kerjaya sebagai pemimpin, peneraju institusi pertahanan negara.

Dalam hubungan ini, Beta difahamkan, diantara mereka yang akan menerima tauliah pada pagi ini ialah seorang Scholar dari Biasiswa Supreme Commander lepasan Ijazah Undang-Undang.

Perlu diingat, dengan tamatnya latihan ini, bukan bermakna proses mencari ilmu akan berhenti setakat di sini saja. Malah ia adalah proses berterusan untuk seumur hidup.

Di sinilah pentingnya Sekolah ini, bagi mempersiapkan dan membentuk Pegawai-Pegawai Kadet agar lebih lengkap dan kompeten pada menggerakkan pembangunan angkatan bersenjata mengikut calak Brunei.

Sekolah Pegawai Kadet perlu mantap dan meneruskan usaha ke arah melahirkan pegawai-pegawai yang terlatih, berpengetahuan dan berwibawa.

Termasuk juga perkara yang ia mesti ada, ialah kemampuannya untuk menawarkan latihan kepada kadet-kadet daripada luar negara.

Beta berharap perkara ini akan menjadi kenyataan dalam masa yang terdekat seperti mana ia berlaku di institusi-institusi yang sama ditempat lain.

Di samping itu, laporan 'external validation' yang telah dikeluarkan oleh Markas Akademi Pertahanan akan dapat dijadikan sukat-sukat untuk melaksanakan perubahan yang positif serta meningkatkan prestasi Sekolah Pegawai Kadet ke tahap yang lebih tinggi.

Sama juga halnya dengan Joint Command and Staff Course, di mana buat julung kalinya

Maktab Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan melahirkan graduan-graduan dari dalam dan luar negara.

Penyertaan dari luar negara, sebaiknya dihargai sebagai nilai tambah, atau forum percambahan idea dan meningkatkan kerjasama pertahanan dengan negara sahabat.

Usaha-usaha pementapan, seharusnya juga dilaratkan kepada Akademi Pertahanan secara menyeluruh.

Di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-9, Beta telah memperkenankan bagi Akademi Pertahanan untuk mempunyai kampusnya yang tersendiri, yang lengkap dan mampu memenuhi keperluan latihan.

Memandangkan kepada pentingnya Akademi ini dalam perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Beta berharap supaya pembinaanya tidak akan tergendala, tetapi biarlah menepati jadual yang ditetapkan.

Akhir kata, Beta mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan, khususnya Komandan, Pegawai Pemerintah, Colour Sergeant dan pegawai-pegawai yang telah bertungkus lumus melatih dan mendidik pegawai-pegawai kadet sehingga sampai ke penghujungnya.

Maka dengan merafa'kan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimat Bismillahir Rahmanir Rahim, Beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 23 orang Pegawai Kadet Pengambilan Kelima.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.